

“Selepas banjir surut,
kami melakukan
bedah siasat”

Nazri Aziz

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Dakwaan kerajaan gagal beri amaran awal banjir disangkal

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Kerajaan menafikan dakwaan kononnya pihak berkuasa gagal memberi amaran awal mengenai banjir di beberapa negeri, terutama Johor yang mengorbankan lapan nyawa setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Nazri Aziz, sebaliknya menegaskan, pihak berkuasa seperti Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca dan Bahagian Keselamatan Negara (BKN) sudah mengeluarkan amaran awal kemungkinan banjir di negeri berkenaan pada 13 Disember lalu.

Beliau berkata, berdasarkan sukatan air beberapa sungai di Johor yang dicatatkan sejak 13 Disember lalu, kedua-dua pihak berkenaan mengeluarkan amaran banjir apabila paras berkenaan dicatatkan daripada kuning kepada merah iaitu paras berbahaya.

Nazri berkata, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca meramalkan hujan lebat di Johor sejak 13 Disember lalu berikutan angin membawa awan mengandungi hujan bertiup dari Sarawak ke negeri berkenaan dan Singapura, tetapi tidak mampu meramalkan secara tepat jumlah hujan.

“Setiap hujung tahun memang kita meramalkan Kelantan dan Terengganu dilanda banjir. Bagaimanapun, hujan lebat di Johor tahun ini di luar jangkauan.

“Ia berlaku dengan begitu pantas. Walaupun kita boleh meramalkan hujan lebat, bencana alam memang kita tidak boleh ramalkan. Selepas banjir surut, kami akan melakukan bedah siasat. Jangan anggap tugas mengendalikan 74,000 mangsa banjir di pusat pemindahan satu tugas mudah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Ulang Tahun Pertama Hari Kesedaran Bencana 2006 anjuran BKN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah BKN, Ahmad Fuad Abdul Aziz dan Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana BKN, Che Moin Umar.

Semalam dipilih sebagai tarikh memperingati bencana alam sempena kejadian ribut

Greg di Keningau dan tsunami, masing-masing berlaku pada 26 Disember 1996 dan 26 Disember 2004.

Ditanya mengenai kekurangan laporan lengkap dan amaran banjir yang disiarkan Kementerian Penerangan menerusi RTM, Nazri berkata, JPM akan berbincang dengan kementerian terbabit bagi memastikan maklumat berkenaan mampu disampaikan secara lebih berkesan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan berpuas hati dengan kemampuan pelbagai agensinya ketika melaksanakan tugas menyelamatkan mangsa banjir meskipun ada yang terkorban.

“Kita mampu memindahkan 74,000 orang mangsa banjir. Tidak ada yang tertinggal. Memanglah setiap bencana alam kita akan berdepan risiko kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda.

“Apabila kita minta mereka berpindah, mereka akur. Adalah dua atau tiga orang yang degil menunggu sampai saat akhir untuk berpindah,” katanya.

Nazri juga berkata, bagi menangani bencana alam pada masa depan, kerajaan bercadang memperkenalkan dasar yang mengaplikasikan ‘Rangka Kerja Hyogo’ yang memberi penekanan terhadap konsep ‘Pengurangan Risiko Bencana Dalam Dasar Pembangunan, Perancangan dan Pelaksanaan.’

Beliau berkata, antara lain, dasar itu meletakkan pembangunan harus mengambil kira aspek mengurangkan risiko bencana, membabitkan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran serta BKN.

“Pembangunan di kawasan berpotensi dilanda bencana seperti lembangan sungai, pantai, bukit dan tanah tinggi harus dielakkan. Mencegah lebih baik daripada merawat,” katanya.